



**SOALAN-SOALAN LAZIM (FREQUENTLY ASKED QUESTIONS)
PERUBAHAN KADAR CUKAI IMPOT KASTAM DAN CUKAI EKSAIS 2017
BERKUATKUASA PADA 1 APRIL 2017
JABATAN KASTAM DAN EKSAIS DIRAJA (JKED)
KEMENTERIAN KEWANGAN**

1. Bagaimanakah JKED membuat perkiraan bagi kutipan cukai eksais?

JKED mengenakan cukai eksais adalah sama dengan perkiraan cukai import CIFc seperti contoh di bawah ini:

(Cost + Insuran + Freight + Other Charges) = Jumlah CIFc x Kadar cukai = Cukai kastam dibayar.

o $(\$1,000.00 + \$100.00 + 150.00 + 50.00) = 1,300.00 \times 10\% = \underline{\$130.00}$

2. Apa yang dimaksudkan dengan Cukai Impot dan Cukai Eksais?

Cukai impot atau cukai eksais adalah cukai yang dikenakan ke atas barangan yang akan dibawa masuk ke Negara ini. Bagi barangan yang tersenarai di bawah cukai eksais yang dihasilkan oleh mana-mana pengusaha di dalam Negara ini, juga akan dikenakan cukai eksais.

3. Adakah cukai eksais ini sama seperti Goods & Services Tax (GST) mahupun Value Added Tax (VAT)?

Tidak. Cukai Eksais, GST dan VAT adalah jenis cukai dalam Negeri yang dikenakan oleh mana-mana Negara tertakluk kepada dasar Negara tersebut. Walaubagaimanapun kaedahnya adalah berbeza di antara satu dengan yang lain.

4. Adakah kebenaran 'personal concession' diberikan bagi kegunaan persendirian?

Personal concession yang dibenarkan buat masa ini adalah bagi barangan terpakai kegunaan sendiri (*used personal effects*) seperti minyak wangi (*perfumes*) tidak melebihi 60ml dan Air wangi (*Aromatic water*) tidak melebihi 250gram.

5. Kenapakah Monosodium Glutamate (MSG) dan produk makanan seperti minuman yang mengandungi gula yang tinggi, produk gula & koko dan dikenakan cukai?

Ini adalah antara usaha Kerajaan bagi mengawal permintaan pengguna ke atas barangan makanan berkenaan bagi menggalakkan gaya hidup positif dengan pengambilan makanan sihat. Langkah ini selaras dengan usaha Kementerian Kesihatan dalam merealisasikan hasrat Bersama Ke Arah Warga Sihat.

6. Apakah sukatan bagi minuman yang mengandungi kadar gula yang tinggi?

Jenis minuman yang dimaksudkan adalah bagi jenis *ready-to-consume* atau minuman yang boleh diminum terus. Sukatan kandungan gula yang tinggi bagi kategori minuman yang berbeza adalah seperti berikut:

Kategori	Kadar gula (g/100ml)
Malt dan minuman coklat	>8.0
Susu soya	>7.0
Minuman berkarbonat	>6.0
Minuman isotonik	>6.0

7. Apakah yang dimaksudkan dengan \$4/dal? dan bagaimanakah pengiraannya bagi minuman yang mengandungi kadar gula yang tinggi?

Dal atau decalitre dimana 1 dal adalah bersamaan dengan 10 liter atau 10,000ml. Jadi, bagi setiap 10,000ml akan dikenakan cukai eksais sebanyak \$4.00.

8. Apakah jenis minuman yang tidak dikenakan cukai eksais?

Minuman seperti jus buah/sayuran asli (yang mengandungi sekurang-kurangnya 60% pati buah/sayur) dan juga susu segar dan UHT. Minuman dengan kandungan gula yang rendah (tidak melebihi 6.0g/100ml – 8.0g/100ml, tertakluk kepada kategori minuman) juga tidak dikenakan cukai.

9. Adakah 'evaporated milk' dan susu manis termasuk produk makanan yang akan dinaikan kadar cukai?

Evaporated milk dan susu manis tidak termasuk dalam senarai perubahan cukai.

10. Adakah coklat jenis 'dark chocolate' dan 'white chocolate' juga dikenakan cukai?

Ya. Dark chocolate termasuk dalam kategori produk koko manakala, white chocolate termasuk dalam kategori produk gula.

11. Adakah produk makanan yang mengandungi MSG juga dikenakan cukai?

Tidak. Hanya MSG sahaja yang dikenakan cukai seperti Aji-no-moto dan seumpamanya.

12. Kenapakah barang-barang produk plastik dikenakan cukai?

Barang-barang produk plastik dikenakan kadar cukai sebanyak 3% adalah secara tidak langsung untuk mendokong usaha Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi (JASTRE), Kementerian Pembangunan bagi menggalakkan penggunaan barangan kitar-semula dan seterusnya mengurangkan jumlah sisa buangan plastik yang perlu dilupuskan.

13. Apakah yang dimaksudkan dengan barang-barang produk plastik?

Barang-barang produk plastik adalah seperti botol kosong yang diperbuat daripada plastik, beg-beg plastik, bungkusan (container) yang diperbuat daripada plastik termasuk *tupperware* dan sebagainya.

14. Bolehkah orang awam membawa masuk ke negara Brunei Darussalam produk seperti *vape*, *vape juice* atau bunga api bagi kegunaan sendiri selepas membayar cukai eksais?

Tidak. Orang awam hendaklah terlebih dahulu mendapatkan kebenaran daripada Kementerian Kesihatan sebelum membawa masuk produk seperti *vape* dan *vape juice*. Manakala bagi produk seperti bunga api hendaklah terlebih dahulu mendapatkan kebenaran daripada Pasukan Polis Diraja Brunei.

15. Adakah *gold bar*, *gold leaf* dan *gold coin* termasuk dalam perubahan cukai baru 2017 ?

Ya, produk-produk seperti *gold bar*, *gold leaf* dan *gold coin* adalah dikategorikan sebagai barangan kemas, batu dan logam berharga dan dikenakan cukai eksais pada kadar 15%.

16. Adakah kenaikan kadar cukai kepada 5% termasuk kepada semua barangan untuk kegunaan computer?

Ya, termasuk semua jenis barangan dan alat ganti bagi kegunaan komputer.

17. Adakah barangan alat-alat menangkap ikan, perahu dan alat ganti seperti alat GPS, alat sonar dan spark plug tersenarai dalam perubahan cukai?

Barangan alat-alat menangkap ikan, alat gps dan sonar adalah tidak bercukai.

18. Dimanakah orang ramai boleh mendapatkan maklumat-maklumat mengenai perubahan kadar cukai 2017 ini?

Orang ramai boleh mendapatkan maklumat mengenai perubahan kadar cukai 2017 melalui laman sesawang www.bdns.gov.bn dan www.tradingacrossborders.gov.bn

-Sekian-